

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

## ASAS PERGENDANGAN KELANTAN DALAM MAK YONG

YAP ENG SIM

LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT  
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (MUZIK)  
MOD KERJA KURSUS

FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDICA

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

## ABSTRAK

Kesenian tradisional dilihat semakin hilang ditenggelami era teknologi dan globalisasi masa kini. Ini amat kritikal kerana pengiat atau pewaris kesenian tradisional juga semakin berkurangan, sama ada ditelan dek umur atau meninggal dunia. Adalah amat penting bagi kita memulihara dan memastikan kesenian tradisional warisan ini terus wujud. Ia melambangkan identiti Negara kita yang unik. Sebuah Negara majmuk yang mempunyai pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain kaum peribumi. Kesenian tradisi ini merupakan khazanah yang tidak ternilai harganya pada bangsa dan Negara kita. Dalam sistem pendidikan di sekolah, pendidikan muzik banyak menggunakan sistem pendidikan muzik dari barat. Menurut Zaharul Lailidin Saidon (14:2009), amalan pendidikan muzik di Malaysia masih berorientasikan dan berkisar secara eksklusif sekitar tradisi muzik klasikal barat. Walaupun pada masa kini terdapat kesedaran yang wujud dalam pendidik untuk menggunakan sumber kesenian tradisional sebagai bahan pengajaran pendidikan muzik di sekolah, namun kekurangan bahan rujukan sentiasa menjadi kekangan untuk meneruskan hasrat ini. Maka diharap usaha mendokumentasikan kesenian tradisional warisan Negara kita terus dilaksanakan dengan harapan suatu hari nanti impian pendidik ini akan terlaksana. Walaupun usaha menggunakan kesenian warisan tradisional Negara dalam pendidikan muzik di sekolah bukan mudah, namun ia juga bukan mustahil pada suatu hari nanti.



## ABSTRACT

Traditional arts appear to have lost overwhelmed in the era of technology and globalization. This is critical because for members or beneficiaries of traditional arts is decreasing , whether ingested deck age or die. It is very important for us to preserve and keep traditional arts heritage continues to exist . It represents the unique identity of our country . A diverse country with diverse ethnic Malays, Chinese, Indians and other indigenous people . This traditional art is priceless treasures of the nation and the country. Education in the school system , many music education are using music education system from the west . According to Zaharul Lailidin Saidon ( 14:2009 ) , the practice of music education in Malaysia is still oriented and revolve exclusively around the western classical music tradition . Although at present there is an awareness that exists in educators to use as a source of traditional art teaching music education in schools, but the lack of reference materials has always been a constraint to pursue this goal . But hopefully the effort to document traditional art heritage of our nation continue to be undertaken in the hope that one day this dream will be realized by educator . Although the effort to teach Malaysian traditional music in school is not easy, but it is not impossible.

## **KANDUNGAN**

<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
Perakuan	ii
Declaration	iii
Penghargaan	iv
Abstrak	v
Abstract	vi
Isi Kandungan	vii

## **BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Projek	3
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Tujuan Projek	5
1.5 Kepentingan Projek	6
1.6 Batasan Projek	6

1.7	Definisi Istilah	8
1.7.1	Pergendangan Kelantan	8
1.7.2	Mak Yong	9
1.7.3	Pengajaran	9
1.7.4	Pembelajaran	10
1.8	Rumusan	11

## **BAB 2 PROSEDUR MEMBANGUNKAN PRODUK**

2.1	Pengenalan	12
2.2	Mendapatkan dan Mengumpul maklumat dan Data Berkaitan Pergendangan Kelantan dalam Mak Yong	15
2.2.1	Temubual	15
2.2.2	Rakaman Video dan Audio	17
2.2.3	Pemerhatian	18
2.3	Mengklasifikasikan Maklumat dan Data yang Diperolehi Mengikut Tema dan Kategori	19
2.4	Menetapkan Topik Berdasarkan Tema dan Kategori	19
2.5	Menulis Manuskrip dan Data Mengikut Kategori atau Kandungan yang Telah Ditetapkan	20
2.6	Menyunting Manuskrip dan Data Mengikut Kategori atau Kandungan Topik yang Telah Ditetapkan	21
2.7	Kerangka Kerja Penghasilan Projek	22
2.8	Rumusan	23

**BAB 3 MENGUMPUL DAN MEMPROSES DATA  
SERTA MEMBINA NOTASI**

3.1 Pengenalan	24
3.2 Pergendangan Kelantan	25
3.2.1 Organologi	25
3.2.2 Talaan gendang	27
3.2.3 Penjagaan Gendang	27
3.3.4 Etika Persembahan	29
3.3 Pembinaan Notasi	32
3.4 Sistem Notasi Barat	34
3.5 Rumusan	40

**BAB 4 HURAIAN PRODUK**

4.1 Pengenalan	41
4.2 Bentuk dan Objektif Produk yang Dibangunkan	42
4.3 Isi Kandungan Asas Pergendangan Kelantan dalam Mak Yong	44
4.4 Rumusan	50

**BAB 5 RUMUSAN**

5.1 Pengenalan	51
5.2 Ringkasan Produk	52
5.3 Fungsi-fungsi Produk	55
5.4 Sasaran Pengguna	56

5.5	Kekuatan dan Kelemahan Produk	57
5.5.1	Kekuatan	57
5.5.2	Kelemahan	58
5.5	Cadangan	59
5.7	Rumusan	60
<b>RUJUKAN</b>		<b>62</b>

## **SENARAI JADUAL DAN RAJAH**

Jadual 1	Cadangan Jadual Kerja	14
Jadual 2	Isi Kandungan Produk	45
Jadual 3	Isi Kandungan Produk	52
Rajah 1	Model Kerangka Kerja Menghasilkan Projek (Yap Eng Sim, 2014)	22
Foto 1	Bahagian Gendang	25
Foto 2	Postur Gendang Anak	29
Foto 3	Postur Bermain Gendang Ibu dari Depan	30
Foto 4	Postur Bermain Gendang Ibu dari Tepi	30
Foto 5	Postur Lain Bermain Gendang Ibu	31
Notasi 1 & Notasi 2		35
Notasi 3 & Notasi 4		36
Notasi 5 & Notasi 6		37

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Mak Yong merupakan satu drama tari yang terkenal di Kelantan. Mak Yong mengabungkan elemen drama, tari dan muzik dalam menjalankan sebuah persembahan. Pada tahun 2005, Mak Yong telah diiktiraf oleh United Nations Educational Scientific and Cultural Organization (UNESCO) sebagai kesenian warisan dunia<sup>1</sup>.

Mak Yong seringkali dipelajari secara berguru. Pelajar atau penuntut akan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS mengikut guru dalam proses mempelajari Mak Yong. Proses kini mengambil masa

UNIVERSITI F

yang lama dan lambat. Tanpa kehadiran guru, proses pembelajaran tidak dapat berjalan dengan lancar.

Institusi pengajian tinggi seperti Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara) memainkan peranan dalam mengekalkan kewujudan Mak Yong di dalam generasi akan datang. Aswara menjadikan Mak Yong sebagai satu kursus yang wajib dipelajari oleh semua pelajar di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Ini sejajar dengan misi Aswara iaitu melahirkan golongan intelektual, karyawan dan seniman yang berilmu, mahir dan professional ke arah membangunkan industri kreatif, kesenian dan warisan Negara (Aswara, 2013).

Terdapat juga usaha yang dijalankan oleh pengkaji di Malaysia yang menulis mengenai Mak Yong seperti Tan Sooi Beng, Patricia Matusky, Nik Mustapha bin Nik Md Salleh dan Prof. Emeritus Dato Dr Mohamed Ghouse Nasuruddin.

Elemen muzik di dalam Mak Yong melibatkan Vokal, Rebab, sepasang gendang dua muka dan sepasang Tetawak. Gendang dua muka yang digunakan adalah gendang ibu yang mempunyai nada bunyi yang rendah dan gendang anak yang mempunyai nada bunyi yang lebih tinggi. Tetawak ialah istilah yang digunakan untuk gong dalam Mak Yong. Tetawak juga mempunyai tetawak anak yang bernada tinggi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDKA

dan tetawak ibu yang bernada rendah.

UNIVERSITI PEN

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

## 1.2 Latar belakang Projek

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

Jika dilihat, seringkali bila kita mahu mempelajari sesuatu muzik atau kesenian tradisional, kita pasti memikirkan di mana dan dengan siapa kita mahu mencari ilmu itu. Tidak terlintas di pemikiran untuk mencari buku atau catatan secara bertulis untuk mempelajari kesenian tradisional itu. Perkara ini juga berlaku dengan kesenian warisan dunia iaitu Mak Yong. Buku rujukan yang boleh diperolehi di dalam pasaran kebiasaan hanya memberi maklumat secara umum mengenai Mak Yong.

Projek untuk menghasilkan sebuah modul atau buku panduan untuk mempelajari asas pergendangan dalam Mak Yong Kelantan diharap dapat menjadi langkah awal untuk mewujudkan modul pembelajaran asas pergendangan dalam kesenian Mak Yong.

## 1.3 Penyataan Masalah

Di dalam zaman moden ini, ilmu boleh didapati dengan mudah secara talian. Bahan seperti video, audio, buku dan juga buku digital mudah diperolehi dalam memperoleh ilmu dan informasi. Kementerian Pendidikan Malaysia baharu sahaja melancarkan Buku Teks Digital yang disempurnakan oleh YB Dato' Seri Idris Bin

Jusoh, Menteri Pendidikan II pada 7 Februari 2014. Ini menunjukkan bahawa dunia atas talian amat penting dan mempunyai potensi luas dalam proses memperoleh ilmu.

Namun, jika dilihat dalam senario muzik tradisional di Negara kita, jangan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS dikatakan bahan rujukan digital, bahan rujukan fizikal seperti buku juga amat sukar UNIVERSITI F

untuk didapati. Contohnya seorang pelajar atau penggiat seni mahu belajar bagaimana untuk bermain Rebab. Individu itu perlu mencari pakar atau guru yang mahir dalam alat muzik tersebut untuk belajar. Ini kerana tiada buku rujukan yang boleh didapati untuk mempelajari alat muzik tersebut.

Generasi lama, penggiat seni dan pewaris kesenian yang mempelajari dan mewarisi kesenian tradisi dari kecil juga semakin berkurang. Sekiranya generasi tua ini meninggal dunia maka ilmu yang dimiliki oleh mereka akan turut dibawa bersama mereka. Ini akan mengurangkan lagi sumber ilmu yang wujud. Maka amat penting untuk mengambil langkah untuk mendokumentasikan ilmu yang dimiliki oleh generasi tua penggiat tradisi dan kesenian sebelum ia mula pupus.

Pembinaan modul pembelajaran muzik tradisional merupakan satu langkah yang amat penting. Ini dapat membantu dan memberi peluang kepada generasi muda untuk mempelajari kesenian dan warisan budaya bangsa mereka. Selain itu juga dapat memperkenalkan kesenian dan warisan budaya bangsa kita kepada orang dan pengkaji di luar Negara yang ingin mempelajari kesenian kita.

Terdapat pembinaan modul yang berdasarkan muzik tradisional kita. Ini mendorong untuk menghasilkan sebuah modul atau buku rujukan asas pembelajaran

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

## 1.4 Tujuan Projek

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

### 1.4.1 Tujuan projek ini adalah :

- i. Membina modul asas pembelajaran pergendangan Kelantan dalam Mak Yong.
- ii. Mewujudkan dokumentasi dan rujukan pembelajaran Pergendangan Kelantan dalam Mak Yong. Menggunakan notasi barat sebagai medium pembelajaran.

### 1.4.2 Objektif Khusus

- i. Membolehkan para pelajar dan guru untuk menggunakan modul ini untuk proses pengajaran dan pembelajaran dalam mempelajari Pergendangan Kelantan di dalam Mak Yong.
- ii. Mewujudkan kemahiran asas kepada pelajar dan guru mengenai asas Pergendangan Kelantan di dalam Mak Yong. Antara kemahiran asas adalah seperti teknik pukulan, postur dan cara memegang alat serta kebolehan membaca skor.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDKA

IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

## 1.5 Kepentingan Projek

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

- i. Menjadi bahan rujukan untuk proses pengajaran dan pembelajaran.
- ii. Menjadi bahan bantuan mengajar dan mewujudkan pilihan bahan pembelajaran dan pengajaran pada sekolah yang menengah.
- iii. Menambah bahan rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran yang khusus dalam pergendangan Kelantan di dalam Mak Yong.
- iv. Mendokumentasikan budaya, warisan dan kesenian Negara kita agar tidak luput atau hilang ditenggelami era dunia teknologi moden. Ini sejajar dengan misi Kementerian perlancongan dan kebudayaan Malaysia iaitu memacu sektor perlancongan dan kebudayaan serta memperkasa, memelihara dan memulihara seni, budaya dan warisan Negara ( Motac, 2013 ).

## 1.6 Batasan Projek

Batasan projek yang dihadapi adalah dari segi teks rujukan. Tidak ada lagi contoh modul yang dilakukan untuk pergendangan Kelantan dalam Mak Yong. Antara rujukan yang ditemui seperti Muzik Tradisional Malaysia oleh Mohamed Ghoush Nasuruddin, Muzik Malaysia : Tradisi Klasik, Rakyat dan Sinkretik oleh Patricia Matusky dan Tan Sooi Beng hanya mencatatkan secara umum mengenai Pendidikan

Matusky dan Tan Sooi Beng hanya mencatatkan secara umum mengenai Pendidikan Pergendangan Kelantan dalam Mak Yong. Maka adalah memerlukan tumpuan yang

lebih dalam merangka dan membina sebuah modul yang mudah difahami dan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS berkesan untuk mempelajari pergendangan Kelantan di dalam Mak Yong. Bahan

rujukan teks modul alat muzik lain digunakan sebagai contoh untuk mewujudkan modul ini.

Kekangan masa juga membataskan waktu yang diperuntukkan untuk mengumpul maklumat yang diperlukan. Namun dua orang yang dipilih iaitu En Che Mohammad Nasir yang merupakan Tok Dalang Wayang Kulit, Adiguru Pergendangan Kelantan dan juga Mak Yong di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara) dan juga En Khamrul Bahri Bin Hussin seorang pemuzik muda yang boleh dikatakan sebagai generasi pewaris kesenian tradisional Wayang Kulit dan juga Mak Yong.

Proses menggunakan notasi barat sebagai medium untuk pembelajaran dan pengajaran juga merupakan suatu cabaran yang perlu dihadapi. Antaranya ialah bagaimana untuk menotasikan latihan yang boleh dijalankan dan juga menotasikan muzik pergendangan Kelantan di dalam Mak Yong secara asas. Menggunakan tanda masa, sistem bar dan juga gabungan notasi yang mudah difahami oleh pembaca.

## **1.7 Definisi Istilah**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

Definisi ini akan menerangkan mengenai istilah yang akan digunakan secara berulangkali dalam proses pembinaan modul ini.

### **1.7.1 Pergendangan Kelantan**

Pergendangan Kelantan merujuk kepada sepasang gendang dua muka. Iaitu gendang ibu dan gendang anak. Kedua-dua gendang ini mempunyai satu muka yang bernada tinggi dan satu muka yang bernada rendah. Secara am, saiz gendang ibu adalah lebih besar dan mempunyai nada yang lebih rendah. Manakala saiz gendang anak pula lebih kecil dan mempunyai nada yang lebih tinggi. Gendang ini dikategorikan sebagai alat membranafon.

Gendang anak memainkan rentak yang asas secara pengulangan. Gendang anak juga berfungsi sebagai penjaga masa. Manakala gendang ibu pula memainkan rentak yang meningkat rentak yang dimainkan oleh gendang anak.

Dalam pergendangan ini mesti diiringi oleh sepasang gong. Tetapi di dalam Mak Yong, gong dinamakan dengan istilah tetawak. Tetawak ibu mempunyai nada yang rendah dan tetawak anak yang mempunyai nada lebih tinggi.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

### **1.7.2 Mak Yong**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

Mak yong merupakan sebuah dramatari melayu yang berkembang di negeri Kelantan di Malaysia. Ia merupakan satu kombinasi dari unsur-unsur tarian, muzik, drama dan komedi yang dipentaskan secara teater keliling (Makyung, Siri mengenal budaya 1/2003). Mak Yong berasal dari Patani, sebuah Negara Melayu lama yang terletak di kawasan selatan Thai (Ghouse, 2003, ms.47). Mak Yong dimainkan oleh pelakon manusia dan bukan patung (Matusky & Tan Sooi Beng , 1997, ms.25).

Menurut Ghouse (2003) selepas kemangkatan Sultan Mohamad IV pada tahun 1920, Mak Yong bertukar menjadi hiburan rakyat. Lantaran itu unsur-unsur folk menggantikan kebanyakkan unsur istana. Namun, mak yong sekarang masih menggambarkan sebilangan unsur-unsur istana dalam bahasa, muzik dan tariannya (ms.47).

### **1.7.3 Pengajaran**

Pengajaran berasal dari perkataan ajar. Ajar menurut Kamus Dewan (2005) ialah menyampaikan ilmu pengetahuan (kemahiran dsb) kepada orang lain, mendidik, melatih dan memberikan petunjuk kepada. Manakala pengajaran pula bermaksud perihal mengajar, segala sesuatu yang berkaitan dengan mengajar (Kamus Dewan, 2005).

Menurut Mok (1993), proses pengajaran dalam pendidikan melibatkan tiga

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

IDRIS

komponen penting iaitu perancangan, penyampaian dan penilaian.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

#### 1.7.4 Pembelajaran

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

Pembelajaran didefinisikan sebagai suatu proses atau kegiatan belajar (Kamus Dewan, 2005). Proses ini jika dilihat di dalam sekolah melibatkan interaksi daripada dua pihak. Iaitu guru dan murid sekolah. Menurut Zarina (2004), pembelajaran ialah proses memperolehi maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan. Manakala Ralph W. Tyler (1977) pula menyatakan pembelajaran ialah proses pelajar membentuk cara pemikiran yang baru dan mengubahsuaikan pemikirannya dan mampu menunjukkan perubahan dalam tingkah laku.

Melalui modul Asas pergendangan Kelantan dalam Mak Yong, proses pembelajaran melibatkan guru di sekolah yang akan menggunakan modul ini sebagai bahan untuk mengajarkan Asas pergendangan Kelantan dalam Mak Yong kepada para pelajar. Dalam memastikan pelajar dapat belajar dengan efektif, guru boleh menggunakan pendekatan atau strategi lain untuk mencapai matlamat iaitu pelajar dapat mempelajari dan menguasai kesenian tradisional ini melalui pergendangan Kelantan dalam Mak Yong.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDKA

IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

## 1.8 Rumusan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

Bab pengenalan ini menjelaskan tentang latar belakang projek, pernyataan masalah yang dihadapi oleh kesenian traditional kita pada masa kini, kepentingan untuk menjalankan lebih banyak projek dan kajian yang boleh menyumbang kepada pendokumentasian dan mewujudkan lebih banyak buku rujukan kesenian warisan Negara kita. Juga diperjelaskan mengenai istilah dan juga batasan yang dihadapi sepanjang melaksanakan modul ini.

Melalui perlaksanaan buku asas pergendangan Kelantan dalam Mak yong,

diharap dapat membantu dan menjadi panduan para pelajar, penggiat seni atau individu perseorangan yang ingin mempelajari asas pergendangan Kelantan dalam Mak yong. Seterusnya juga buku ini menjadi sumber rujukan dan juga sebagai langkah awal yang diambil dalam usaha mendokumentasi dan memartabatkan muzik kesenian tradisional kita agar tidak pupus malah dapat kekal dan berdaya saing dalam era dunia globalisasi dan teknologi pada masa kini.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDKA

IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

**BAB 2**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**PROSEDUR MEMBANGUNKAN PRODUK****2.1 Pengenalan**

Bab ini mengariskan tentang langkah yang diambil dalam menghasilkan modul “ Asas Pergendangan Kelantan dalam Mak Yong”. Beberapa prosedur dan langkah telah disenaraikan dalam proses menghasilkan projek ini. Iaitu :

2.1.1 Menetapkan hala tuju dan tahap pembelajaran modul ini.

2.1.2 Mengumpul data dan mengklasifikasi data mengikut kategori dan lagu.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**2.1.3 Menulis dan menyusun data mengikut kategori yang telah**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

**ditetapkan.****2.1.4 Menyemak, menyunting dan membuat penambahbaikan****sekiranya perlu.**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDICA

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

**Jadual 1 : Cadangan Jadual Kerja**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Bulan	Aktiviti
Januari	<p>Membuat diskusi bersama penyelia.</p> <p>Menentukan hala tuju dan tahap pembinaan modul.</p> <p>Mengumpul maklumat.</p>
Februari	<p>Mencari dan menentukan cara penyampaian menggunakan notasi barat.</p> <p>Mengumpul data.</p>
Mac	<p>Mengumpul data dan mengklasifikasikan data.</p> <p>Menulis dan menyusun data.</p>
April	<p>Mengumpul data dan mengklasifikasikan data.</p> <p>Menulis dan menyusun data.</p> <p>Menbuat rakaman audio</p>
Mei	<p>Membuat penyuntingan dan membuat penambahbaikan.</p> <p>Hantar kertas projek</p>

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

## 2.2 Mendapatkan dan mengumpul maklumat dan data berkaitan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

Pergendangan Kelantan dalam Mak Yong

Proses mengumpul dan mendapatkan data untuk menghasilkan Asas Pegendangan Kelantan dalam Mak Yong merupakan proses yang penting dalam menghasilkan modul ini. Kaedah yang digunakan adalah temubual, rakaman video, rakaman gambar, rakaman audio dan juga secara pemerhatian. Kaedah yang digunakan ini membolehkan penulis mendapat maklumat secara langsung dari seseorang individu atau kumpulan secara lebih spesifik.

### 2.2.1 Temubual

Kaedah temubual merupakan suatu kaedah yang digunakan oleh pengkaji. Bertujuan untuk mengumpul maklumat atau data. Menurut Berg (2004), “*interviewing may be defined simply as a conversation with purpose. Specifically, the purpose is to gather information*” (ms.75). Norman Denzin (2001) pula berpendapat “*interviews today should be more than mere information-gathering devices*”.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDKA

IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

Kaedah temubual ini boleh dikategorikan mengikut temubual berstruktur,

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS temubual separa berstruktur dan temubual tidak berstruktur. Menurut Berg (2004, ms.78) :

*“...at least three major categories may be identified (Babbie, 2001; Merriam, 2001; Nachmiah & Nachmias, 2000 ; Nieswiadomy, 2002 ; Polit & Hungler, 1995 ): the standardized (formal or structured) interview, the unstandardized (informal or nondirective) interview, and the semistandardized (guided-semistructured or focus) interview. The major difference between these different interview structures is the degree of rigidity with regard to personal structure”.*

Kaedah yang dipilih adalah kaedah separa berstruktur. Kaedah temubual ini dipilih kerana ia dapat mewujudkan suasana temubual yang lebih ramah dan tidak terikat. Pada masa yang sama respondan memberi maklumat penting kepada kita, respondan juga dapat memberi maklumat tambahan tanpa disedari. Menurut Denzin (2001, ms.24) :

*“I want to re-read the interview, not as a method of gathering information, but as a vehicle for producing performance texts and performance ethnographies about self and society”.*

Ini menunjukkan kepentingan teknik temubual dalam menjana dan mendapat maklumat yang penting terutamanya dalam mendapatkan maklumat atau maklumbalas yang mungkin tidak boleh diperolehi dari kaedah mengumpul maklumat yang lain.

Teknik temubual separa berstruktur membantu penulis untuk mengumpul maklumat dengan lebih mudah apabila sesi temubual berjalan dengan secara ramah, tidak terlalu

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

formal dan fleksibel. Malah penulis juga boleh bertanyakan soalan yang tidak disenaraikan mengikut keperluan situasi ketika temubual dijalankan. Soalan separa berstruktur yang dikemukakan adalah berdasarkan kepada :

- i. Latarbelakang respondan
- ii. Sejarah Gendang Kelantan dalam Mak Yong di Kelantan
- iii. Organologi Gendang Kelantan dalam Mak yong di Kelantan
- iv. Teknik penjagaan alat muzik
- v. Cara, teknik dan postur bermain Gendang Kelantan
- vi. Alat muzik yang digunakan dalam ensemble muzik Mak yong di Kelantan.

### **2.2.2 Rakaman Video dan Audio**

Rakaman video dan audio juga digunakan dalam proses mengumpul data. Rakaman video dan audio ini dianggap sangat penting kerana ia boleh dijadikan rujukan dalam proses mengumpul data. Malah ia boleh ditonton atau diperdengarkan secara berulang kali. Terutamanya dalam proses menilai dan mengklasifikasikan data dalam proses pembelajaran pergendangan Kelantan dalam Mak yong di Kelantan. Melalui rakaman video dan audio juga boleh mengelakkan kita daripada lupa atau kehilangan data yang penting. Kalau hilang, kita boleh membuat rujukan kembali rakaman video dan audio yang telah dilakukan.